

UDA, UMP edar lebih 3,000 pek bubur lambuk



MOHD. SHAFEI ABDULLAH (tengah), Sh. Mohamed Puzi Sh. Ali (empat dari kanan) dan Daing Nasir Ibrahim (empat dari kiri) mengacau bubur lambuk dalam Program Indahnya Ramadan UDA-K1M Kuala Pahang di Pekan, Pahang, semalam. - Utusan/AHMAD ZAKKI JILAN

13 Jun 2017 3:00 AM

PEKAN 12 Jun – Lebih 3,000 pek bubur lambuk diedarkan kepada orang ramai sempena Program Indahnya Ramadan UDA Holdings Berhad (UDA)-Komuniti 1Malaysia (K1M) Kuala Pahang, di sini hari ini.

Proses memasak 13 periuk bubur lambuk itu dimulakan pada pukul 9 pagi yang diadakan dalam bentuk pertandingan dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP), sebelum diedarkan kepada penduduk sekitar Kuala Pahang, masjid dan surau.

Pengerusi UDA, Datuk Seri Dr. Mohd. Shafei Abdullah berkata, program itu adalah antara aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan secara berterusan oleh syarikat pemaju hartanah tersebut.

Selain mengagihkan bubur lambuk, kata beliau, program tersebut turut diisi dengan majlis berbuka puasa bersama warga UMP dan penyampaian sumbangan kepada keluarga asnaf di sekitar Kuala Pahang.

“Objektif utama program ini adalah bagi meneruskan aktiviti kemasyarakatan yang dilakukan UDA sejak 46 tahun kewujudannya,” katanya kepada Utusan Malaysia dalam program berkenaan.

Yang hadir sama Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Peramu Jaya, Datuk Seri Sh. Mohamed Puzi Sh. Ali.

Mohd. Shafei berkata, penganjuran Program Indahnya Ramadan UDA juga bagi memperkenalkan UDA kepada penduduk di daerah ini memandangkan syarikat berkenaan akan melaksanakan projek pembangunan bercampur meliputi perumahan, perniagaan dan bandar baharu di sekitar bandar ini.

Katanya, projek itu bakal dibangunkan di atas tanah seluas 202 hektar di Kuala Pahang termasuk pembinaan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dengan hasrat menjadikan kawasan tersebut sebagai bandar kampus.

"Kita akan dapat melihat kawasan Kuala Pahang lebih membangun pada masa depan," katanya.

Dalam pada itu, Daing Nasir mengakui berasa teruja dengan penganjuran program berkenaan yang mendapat sokongan UDA bagi mengimarahkan Ramadan.

Beliau berkata, UMP juga menyambut baik hasrat UDA untuk melaksanakan projek pembangunan bercampur berkonsepkan bandar kampus di Kuala Pahang memandangkan salah sebuah kampusnya terletak di kawasan tersebut.

Artikel Penuh: <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/pahang/uda-ump-edar-lebih-3-000-pek-bubur-lambuk-1.492583#ixzz4k1vXvuMZ>

© Utusan Melayu (M) Bhd